

BIODATA

NAHARUDDIN HAJI ALI

Naharuddin Hj. Ali merupakan seorang tokoh yang tidak asing lagi dalam bidang sejarah dan kebudayaan. Beliau dilahirkan pada 22 Mac 1937 di Gombak, Selangor dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Gombak Utara dan kemudiannya menyambung pengajian di Methodist Boys School, Sentul, Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara mula memperolehi koleksi beliau pada tahun 2004 yang mana kebanyakan daripada koleksinya mengandungi penulisan tokoh-tokoh penulis terkenal tanah air seperti Talib Samat, A. Samad Idris, Abdullah Hussain dan Zakaria Salleh.

Beliau telah menjalani latihan perguruan di Malayan Teachers Training College, Kota Bharu dari tahun 1957 hingga 1959 dan telah berkhidmat sebagai pendidik di Kementerian Pelajaran dan kemudian menyambung pelajaran di Universiti Malaya sehingga berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Sejarah.

Beliau juga berminat dalam bidang penerbitan di mana beliau telah dilantik sebagai penerbit di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Ketokohan dan minat beliau dalam bidang ini menyebabkan beliau telah diberi kepercayaan untuk menjadi penerbit dan penulis skrip bagi 27 rancangan Profil Pejuang Bangsa untuk siaran RTM. Selain itu beliau juga pernah menjadi pensyarah penerbitan rancangan di Asia Pacific Institute of Broadcasting. Naharuddin Haji Ali telah dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh Sultan Selangor pada tahun 1988.